

PEMBENTUKAN KELUARGA MELAYU:  
KAJIAN KES KAMPUNG PENGKALAN KERIANG  
MUKIM LEPAI, ALOR SETAR, KEDAH

RUSNI BT. AHMAD  
NO. MATRIK: 056311

LATIHAN ILMIAH  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

SESI 1991/92

## SINOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa tentang pembentukan keluarga Melayu di kawasan luar bandar dengan tumpuan khas kepada masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah. Dalam menjalankan kajian ini kaedah temubual digunakan iaitu dengan cara menemubual responden secara langsung.

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi ketika membuat kajian ini seperti keengganan beberapa orang responden untuk bekerjasama dengan cara cuba mengelakkan dari menjawab soalan yang sensitif. Sungguhpun demikian kebanyakannya masalah ini dapat diatasi dengan memujuk dan memberi penerangan yang dapat memuaskan hati mereka. Di Bab Pertama ini juga diterangkan tentang tempat kajian dari segi ekonomi penduduknya, infrastruktur kampung dan politik penduduk di situ. Penjelasan tentang konsep keluarga, pembentukan keluarga dan konsep perkahwinan juga diberikan.

Di Bab Kedua dibincangkan tentang proses pembentukan keluarga yang dimulai dengan pemilihan pasangan. Pengaruh hidup moden menyebabkan pemilihan pasangan dibuat sendiri oleh mereka yang hendak berkahwin. Namun begitu ada setengahnya yang masih meletakkan hal pemilihan pasangannya di tangan orang tua masing-masing. Istiadat perkahwinan juga diuraikan daripada adat merisik sehingga lah pasangan diijabkabulkan.

Dalam Bab Ketiga dibincangkan tentang bentuk-bentuk keluarga yang wujud di kampung kajian. Kemudiannya diberikan huraian tentang

hubungan antara anggota keluarga seperti hubungan antara suami dan isteri, hubungan antara bapa dengan anak, hubungan ibu dan anak dan hubungan menantu dan mertua serta hubungan cucu dengan datuk dan nenek. Bab Keempat membincangkan tentang perceraian dan faktor-faktornya.

Bab Kelima menerangkan tentang lingkungan saudara mara di kalangan keluarga Melavu di Kampung Penakalan Kerian yang termasuklah saudara dekat, saudara jauh dan saudara angkat. Masyarakat kampung kajian mengamalkan prinsip keturunan kognatik, jadi susurgalur keturunan mereka diberikan serta istilah-istilah yang digunakan untuk setiap individu yang ada hubungan kekeluargaan dengan seseorang itu. Akhir sekali diberikan kesimpulan tentang keseluruhan yang terkandung dalam latihan ilmiah ini.

**KANDUNGAN**

	<u>Muka Surat</u>
PENGHARGAAN	i
SINOPSIS	ii
KANDUNGAN	iv
 BAB I : PENDAHULUAN	
1.1 Tujuan dan Bidang Kajian	2
1.2 Kaedah Penyelidikan	3
1.3 Masalah Kajian	4
1.4 Latarbelakang Kampung	5
1.5 Konsep Keluarga	7
1.6 Pembentukan Keluarga	8
1.7 Konsep Perkahwinan	10
 BAB II : PEMBENTUKAN KELUARGA	
2.1 Pemilihan Pasangan	13
2.2 Umur Perkahwinan	17
2.3 Istiadat Perkahwinan	
(a) Merisik	18
(b) Bertunang	19
(c) Menjelang Kenduri Kahwin	21
(d) Kenduri Kahwin	23
(e) Akad Nikah	24
(f) Kenduri Di Rumah Anak Teruna	25
2.4 Kediaman Selepas Kahwin	26

Muka Surat

## BAB III: BENTUK-BENTUK KELUARGA

3.1 Kekeluargaan Di Kampung Pengkalan Keriang	30
3.2 Struktur Keluarga	34
3.3 Saiz Keluarga	37
3.4 Hubungan Antara Anggota Keluarga	
(a) Hubungan Suami dan Isteri	38
(b) Hubungan Bapa dan Anak-Anak	39
(c) Hubungan Ibu dan Anak-Anak	39
(d) Hubungan Menantu dan Mertua	40
(e) Hubungan Cucu Dengan Tok Dan Tok Wan	41

## BAB IV : KESTABILAN KELUARGA

4.1 Perceraian	42
4.2 Perceraian di Kota Setar	45
4.3 Faktor-Faktor Perceraian	47

## BAB V : LINGKUNGAN SAUDARA MARA

5.1 Adik-Beradik Dekat dan Jauh	54
5.2 Adik-Beradik Ipar	56
5.3 Anak Angkat	57
5.4 Prinsip Keturunan Kognatik	57
5.5 Istilah Kekeluargaan	59

## KESIMPULAN

61

## BIBLIOGRAFI

## BAB I

### PENGENALAN

Perkahwinan merupakan satu aspek yang mempengaruhi sebahagian besar kehidupan manusia. Hasil daripada perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan dan dengan lahirnya anak-anak hasil daripada perkahwinan tersebut, akan terbentuklah sebuah keluarga baru. Melalui perkahwinan juga menyebabkan terjalinnya hubungan antara dua buah keluarga iaitu keluarga suami dan keluarga isteri.

Terdapat banyak perubahan dalam proses pembentukan keluarga Melayu di mana adat-adat seperti merisik, meminang, bersanding dan sebagainya tidak begitu diamalkan lagi. Dari segi pemilihan pasangan misalnya telah ada kelonggaran jika dibandingkan dengan zaman dahulu di mana penentuan dan pemilihan suami isteri terletak di dalam tangan orang tua. Sekarang, kebanyakan daripada pasangan dipilih sendiri atas dasar suka sama suka.

Bagi melihat perubahan yang dialami oleh keluarga Melayu, satu kajian telah dibuat ke atas masyarakat luar bandar. Kajian ini dilakukan di sebuah kampung yang mengamalkan sistem kekeluargaan kognatik atau dwisisi. Mengikut Fox, R. (1973) dalam masyarakat kognatik, keturunan dikira daripada kedua-dua belah pihak ibu dan bapa. Namun begitu kekuasaan lebih banyak terletak di tangan lelaki. Sudah menjadi kelaziman, bapa adalah ketua rumahtangga dan bertugas mencari rezeki dan menyediakan perbelanjaan keluarga. Isteri pula berperanan menguruskan rumahtangga dan mendidik anak-anak. Jalinan

tugas antara suami isteri yang padu mewujudkan sebuah keluarga yang harmoni.

### 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Kajian ilmiah ini dibuat ke atas masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah. Tujuan kajian ini ialah untuk:

- i. Meneliti proses-proses pembentukan keluarga terutama aspek-aspek kehidupan yang mempengaruhi pembentukan keluarga penduduk di situ.
- ii. Melihat bentuk-bentuk keluarga yang wujud dalam masyarakat kampung dan kestabilan keluarga dalam masyarakat Melayu.
- iii. Menganalisa tentang adat perkahwinan yang kini telah mengalami perubahan daripada bercorak tradisional kepada bercorak moden. Setengah-setengah daripada adat lama ditinggalkan dan terdapat pengaruh-pengaruh baru yang wujud adat perkahwinan masyarakat kajian.
- iv. Menganalisa struktur kekeluargaan masyarakat Melayu di kawasan luar bandar. Didapati masyarakat kampung kajian mengamalkan sistem kekeluargaan kognatik atau dwisisi.
- v. Melihat bagaimana tiap-tiap anggota masyarakat itu menyusur galurkan hubungan antara mereka dan pertalian-pertalian yang wujud antara ahli keluarga dalam kampung.

## 1.2 Kaedah Penyelidikan

Untuk mengumpulkan data-data serta bahan-bahan yang diperlukan dalam kajian ini, satu kerja lapangan telah dijalankan. Kerja lapangan ini dilakukan semasa cuti akhir semester sesi 1990/91.

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih 40 keluarga sebagai sampel. Responden yang dikaji ialah keseluruhan ketua keluarga yang terdapat di kampung tersebut. Pengkaji telah menggunakan kaedah temubual. Dalam kaedah ini, pengkaji menyoal responden secara terus dan ini membolehkan pengkaji mengulangi sesuatu soalan semula apabila jawapan yang diperolehi menunjukkan bahawa responden tersalah faham.

Majoriti yang ditemubual adalah kaum ibu atau isteri kerana mereka mempunyai banyak masa lapang dan sesuai untuk ditemubual jika dibandingkan dengan kaum lelaki atau bapa. Cara ini dilakukan kerana hampir kesemua responden telah mengenali pengkaji.

Sebelum menemubual responden, pengkaji telah menyediakan rangka soalan terlebih dahulu supaya setiap responden ditanya soalan yang sama. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan taraf pendidikan, jumlah ahli keluarga, pendapatan dan lain-lain lagi yang berkaitan dengan kajian. Dengan menggunakan senarai soalan yang telah ditentukan, 40 daripada 56 keluarga di kampung itu telah dijadikan sampel. Temubual diadakan di rumah responden sendiri.

Selain daripada itu, pengkaji juga menggunakan perpustakaan sebagai tempat rujukan terutamanya kepada bahan-bahan yang berkaitan dengan keluarga Melayu serta buku-buku yang berhubungan dengan kajian.

### 1.3 Masalah Kajian

Sepanjang kajian dijalankan tidak banyak masalah yang timbul kerana kampung itu adalah kampung pengkaji sendiri. Oleh kerana pengkaji berasal dari kampung, kawasan kajian, kebanyakan daripada responden telah mengenali pengkaji.

Setengah daripada responden yang ditemubual cuba menceritakan perkara-perkara terbaru mengenai keluarganya yang tidak lagi diketahui oleh pengkaji. Ini menyebabkan kadangkala jawapannya menyimpang jauh dari soalan yang ditanya. Masalah gangguan dari tetamu sering juga dihadapi oleh pengkaji menyebabkan cerita-certia dan maklumat-maklumat yang diberi terhenti di pertengahan jalan. Keadaan begini mengakibatkan satu-satu temubual mengambil masa yang lama.

Untuk melihat sikap dan pandangan responden mengenai satu-satu aspek kehidupan yang sensitif juga menghadapi kesulitan. Umpamanya dalam soalan mengenai perceraian, responden yang pernah bercerai agak keberatan untuk menceritakan tentang masa lalunya kepada pengkaji.

Responden juga kadangkala memberikan jawapan secara agak-agak sahaja. Contohnya apabila ditanya tentang pendapatan, adalah didapati jarang sekali ada responden yang bersedia memberikan jumlah yang tepat pendapatan bulanan mereka. Ada juga di antara mereka yang terlalu berahsia sehingga menjadikan pengkaji teragak-agak untuk mengajukan soalan selanjutnya.

#### 1.4 Latarbelakang Kampung

##### i. Kedudukan Kampung

Kawasan kajian ialah Kampung Pengkalan Keriang, Mukim Lepai di daerah Kota Setar. Jarak kampung ini dengan bandar Alor Setar lebih kurang 8 kilometer. Di Mukim Lepai sahaja terdapat beberapa buah kampung lagi. Di antara kampung-kampung itu termasuklah:

1. Kampung Kubang Tampang
2. Kampung Kubang Lintah
3. Kampung Masjid Lama
4. Kampung Padang Watt
5. Kampung Terong Asam
6. Kampung Hutan Kandis

Pekan yang berhampiran dengan kawasan kajian adalah Pekan Bukit Pinang dan Pekan Langgar. Kedua-dua pekan inilah yang menjadi tumpuan penduduk untuk membeli barang-barang keperluan. Di Kampung Pengkalan Keriang sendiri pun terdapat sebuah kedai runcit.

##### ii. Ekonomi

Kawasan ini merupakan kawasan penanaman padi. Boleh dikatakan 100% daripada penduduknya terlibat dalam kerja-kerja dan hal-hal yang bersangkutan dengan tanaman padi sawah sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Selain daripada mengerjakan sawah padi, untuk menambahkan pendapatan mereka melakukan kerja-kerja sampingan seperti buruh binaan, berniaga dan bercucuk tanam. Jumlah pendapatan mereka dianggarkan

di antara \$200 - \$400 sebulan.

Pendapatan bagi setiap keluarga dapat diukur melalui keluasan tanah sawah yang mereka miliki. Jika tanah sawahnya luas, pendapatannya lebih banyak. Kekayaan satu-satu keluarga itu dapat juga dilihat melalui rumah mereka dan taraf pendidikan anak-anak. Keluarga yang mempunyai rumah yang agak besar dan ada anak yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi adalah berpendapatan lebih tinggi jika dibandingkan dengan keluarga lain yang mempunyai rumah yang lebih kecil.

### iii. Kemudahan Asas

Kemudahan asas telah lama dinikmati oleh penduduk di kampung ini. Hampir kesemua rumah mendapat bekalan air dan elektrik. Terdapat juga sekolah rendah, surau dan klinik bidan. Jalanraya bertar menyambungkan kampung ini dengan pekan-pekan kecil yang berhampiran. Perkhidmatan bas MARA Sdn. Bhd. yang melalui kampung ini memberi kemudahan pengangkutan kepada penduduk kampung untuk ke bandar Alor Setar. Talian telefon juga disediakan malah terdapat 5 buah keluarga telah memasang telefon di rumah mereka.

### iv. Politik

Secara birokrasinya pentadbiran kampung terletak di bawah seorang Penghulu dan Ketua Kampung. Penghulu mengendalikan pentadbiran bagi keseluruhan kampung yang terletak di Mukim Lepai. Di setiap kampung pula ditempatkan seorang Ketua Kampung yang menjadi saluran kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung.

Dalam menentukan seorang yang layak menjadi Ketua Kampung, terdapat beberapa kriteria yang diambil kira seperti parti politik, taraf pendidikan, pengalaman, pendapatan dan pekerjaan. Contohnya Ketua Kampung kajian adalah seorang guru sekolah. Beliau mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat kampung kerana ia mempunyai kelebihan daripada aspek pendidikan, pendapatan dan kebolehan mengendalikan pentadbiran kampung. Satu aspek yang penting ialah Ketua Kampung itu adalah seorang penyokong parti politik kerajaan.

Di Kamupng Pengkalan Keriang, terdapat 2 aliran penyokong parti politik iaitu PAS dan Barisan Nasional. Walaupun berlainan pendapat dalam politik, penduduk kampung tetap bekerjasama dan bersatu bagi menjaga keharmonian kampung. Hanya segelintir sahaja yang tidak mahu masuk campur dengan orang-orang yang berlainan parti politik dengannya. Contohnya apabila sesuatu kenduri diadakan di rumah penyokong Barisan Nasional beberapa orang daripada penyokong parti PAS tidak hadir atau tidak dijemput langsung.

### 1.5 Konsep Keluarga

Keluarga ialah ikatan yang wujud hasil dari perhubungan darah dan hubungan persemendaan. Menurut Murdock (1947), keluarga adalah satu kelompok sosial yang mempunyai ciri-ciri petempatan yang sama, kerjasama ekonomi dan pengembangan zuriat.

Keluarga merangkumi struktur hubungan kekeluargaan yang terdiri daripada sekurang-kurangnya sepasang suami isteri atau lebih dan seorang atau lebih anak yang telah diterima umum dan diakui sah serta halal. Keluarga mempunyai peranan dalam menentukan perlakuan

serta pembentukan kumpulan-kumpulan sosial.

Satu-satu keluarga terdiri daripada orang-orang yang berhubungan antara satu sama lain melalui perkahwinan atau dipanggil juga "Affinat/conjugal relationship" dan berhubugnan melalui darah atau "consanguineal relationship" serta perhubungan melalui angkat. Boleh dikatakan semua masyarakat di dunia ini mengiktiraf kategori perhubungan sama ada perhubungan darah (keturunan), perkahwinan dan saudara angkat ini.

Perkahwinan membolehkan pembentukan keluarga iaitu yang terdiri daripada bapa, ibu dan anak-anak (keluarga asas). Lanjutan dari ini akan terdapatnya keluarga besar (extended family) yang terdiri dari sebuah keluarga asas dan anak-anak yang telah berkahwin serta cucu cicit yang tinggal bersama.

Keluarga merupakan asas bagi sebuah masyarakat kecil, yang dianggap sebagai satu institusi sosial yang paling unik dan padat di mana pasangan suami isteri dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh kerelaan dan kesedarannya. Menerusi keluargalah kesemua nilai-nilai kebudayaan disalurkan, personaliti seseorang dibentuk dan penyambungan tradisi nenek moyang yang diturunkan dari satu generasi ke satu generasi.

### 1.6 Pembentukan Keluarga

Terdapat beberapa proses tertentu yang perlu dilalui oleh setiap individu yang ingin membentuk keluarganya sendiri. Sudah menjadi kelaziman, apabila anak lelaki atau anak perempuan telah

dewasa, timbul keinginan di hati kedua ibubapa untuk mempunyai meanntu. Pada diri si anak pula mungkin sudah tertanam di hatinya ingin berkeluarga dan mempunyai rumah sendiri.

Apabila keinginan tersebut timbul, maka perkahwinan perlu dirancang. Secara teorinya proses pembentukan keluarga Melayu dimulai oleh amalan merisik untuk mencari jodoh atau pasangan bagi anak lelaki. Tujuannya ialah untuk mengetahui latarbelakang gadis yang hendak dipinang. Risikan dibuat dengan bertanyakan orang-orang yang terdekat dan mengenali gadis tersebut dan kemudiannya ibubapa si lelaki akan bertandang ke rumah gadis.

Setelah gadis yang dihajati telah didapati, merasai dilakukan pula untuk melihat sama ada jodoh itu serasi ataupun tidak. Jika tidak serasi, gadis itu tidak dipinang tetapi sebaliknya jika ada keserasian antara keduanya, tindakan selanjutnya ialah meminang gadis tersebut. Peminangan dilakukan dengan menghantar cincin pertunangan bersama sirih junjung dan hantaran lainnya. Apabila pinangan diterima, penentuan hantaran belanja dibuat dan tarikh perkahwinan ditentukan.

Di hari majlis perkahwinan, berbagai adat pula mesti dilakui oleh seorang pengantin perempuan. Malam sebelum hari perkahwinan majlis berinai diadakan. Di hari perkahwinan pula, pengantin dijampi oleh mak andam untuk menaikkan seri muka. Kemudian istiadat bercukur diadakan di mana anak rambut dan bulu romba di muka dan di bahagian-bahagian lain seperti di leher dan tangan dicukur. ketika berandam inilah dara seseorang pengantin diketahui. Banyak

kaedah yang digunakan oleh mak andam dalam menentukan dara seseorang pengantin. Biasanya jampi dan doa digunakan.

Setelah semua adat ini dilalui, pengantin perempuan disolek dan dipakaikan dengan baju pengantin. Selesai akad nikah dilakukan, pengantin lelaki akan masuk ke bilik pengantin perempuan untuk upacara membatalkan air sembahyang. Kemudian kedua-dua pengantin akan disandingkan di atas pelamin yang telah dihias indah. Majlis yang sama diadakan di rumah pihak lelaki. Dengan itu pasangan pengantin dianggap sebagai suami isteri yang sah dan mereka akan membentuk keluarga sendiri.

### 1.7 Konsep Perkahwinan

Perkahwinan ialah suatu hubungan antara seorang lelaki dan seorang perempuan dimana anak yang dilahirkan oleh perempuan tersebut diakui sah sebagai hasil daripada perkongsian kedua-dua pasangan tadi.

Gough E.K. mengatakan:

"Marriage is a union between a man and a women such that children born to the women are recognised legitimate offspring of both parents."

Berdasarkan definisi di atas, dapat dibuat rumusan mengenai konsep perkahwinan yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, perkahwinan dapat dikatakan sebagai satu perkongsian hidup antara seorang lelaki dan seorang perempuan atau lebih tetapi tidak melebihi empat orang. Perkahwinan juga merupakan satu perjanjian sah yang mengikat kedua-dua pihak dengan tanggungjawab masing-masing.

Suami bertanggungjawab memberi nafkah ~~lahir dan batin~~ kepada isteri dan tanggungjawab isteri pula ialah menjaga kesejahteraan suami dan anak-anaknya.

Pengesahan terhadap perkahwinan dapat dilakukan mengikut cara langsung atau cara tidak langsung ataupun kedua-duanya sekali. Bagi orang-orang Melayu di Kampung Pengkalan Keriang, pengesahan perkahwinan secara langsung dilakukan menurut hukum Islam. Perkahwinan dilangsungkan secara akad nikah yang dilakukan oleh Imam atau Kadi dan disaksikan oleh wali pihak perempuan dan beberapa orang saksi dari kedua belah pihak lelaki dan perempuan. Akad nikah ini wajib kerana inilah yang mengesahkan hubungan di antara lelaki dan perempuan itu diterima oleh agama dan masyarakat.

Pengesahan secara tidak langsung terhadap satu-satu perkahwinan pula dapat dilihat dengan adanya majlis kenduri kahwin dengan menjemput seluruh penduduk kampung. Fungsi majlis tersebut ialah untuk menghebahkan atau memberitahu perkahwinan itu kepada orang ramai supaya kedua-dua pengantin itu diterima dan disahkan oleh masyarakat sebagai suami isteri.

Perkahwinan dilakukan bagi memenuhi kehendak-kehendak biologi iaitu "sexual needs". Ia bukan sahaja menghubungkan antara dua orang individu iaitu suami dan isteri malahan dapat menghubungkan antara dua keluarga iaitu keluarga isteri dan keluarga suami. Contohnya sebelum berlaku perkahwinan, keluarga perempuan dan keluarga lelaki saling tidak mengenali antara satu sama lain disebabkan tinggal berjauhan dan tidak pernah bertemu. Apabila

berlakunya perkahwinan di antara anak lelaki dan anak perempuan dalam kedua-dua keluarga tersebut, hubungan antara kedua keluarga menjadi erat. Jika kedua pasangan berasal dari kampung yang sama, ikatan perkahwinan juga mengeratkan lagi hubungan persaudaraan antara keluarga isteri dan keluarga suami.

Ikatan perkahwinan telah menentukan tanggungjawab bagi setiap pasangan suami isteri. Oleh itu kedua mereka wajiblah mengetahui tanggungjawab masing-masing dalam mengendalikan rumah-tangga agar kebahagiaan dapat dinikmati selamanya.

## BAB II

### PEMBENTUKAN KELUARGA

Keluarga dibentuk melalui sebuah perkahwinan yang sah.

Terdapat beberapa proses dalam pembentukan keluarga yang mesti dilalui oleh setiap individu yang ingin berkeluarga. Antara proses yang dijalankan di Kampung Pengkalan Keriang ialah merisik, meminang, akad nikah dan kenduri kahwin. Setelah semua adat ini dilalui, pasangan tersebut dianggap sebagai suami isteri yang sah dan mereka akan membina sebuah keluarga baru dengan anak-anak yang bakal dilahirkan.

#### 2.1 Pemilihan Pasangan

Perkahwinan merupakan satu perkara terpenting dalam kehidupan orang-orang Melayu. Pasangan pengantin dipilih sebaiknya dengan merisik latarbelakang dan perangainay terlebih dahulu supaya rumahtangga aman, tenteram dan bahagia. Bagi golongan tua, pemilihan pasangan ketika mereka berkahwin dahulu diserahkan seratus peratus kepada ibubapa manakala bagi anak-anak muda sekarang ada yang lebih suka kalau pasangannya dipilih sendiri dan ada yang mengikut pilihan orang tuanya sahaja.

Terdapat dua jenis perkahwinan yang berlaku iaitu endogami dan eksogami. Apabila seseorang itu berkahwin dengan seorang anggota kerabatnya sama ada saudara dekat atau saudara jauh maka pemilihan pasangan ini dikatakan endogami. Kerabat perkahwinan ini terjadi di antara sepupu dengan sepupu, dua pupu atau tiga pupu. Endogami

juga boleh dimaksudkan sebagai perkahwinan di antara dua orang anggota kampung walaupun kedua-dua orang ini tiada kaitan darah.

Perkahwinan eksogami ialah perkahwinan di antara orang-orang yang tiada hubungan darah atau kekeluargaan dan di antara orang yang berlainan kampung. Dari 40 orang responden yang dikaji, 29 darinya berkahwin dengan 'adik beradik' atau orang-orang sekampung dengannya. Hanya 11 orang sahaja yang berkahwin dengan orang luar yang tiada kaitan darah dengan mereka.

Jadual 1: Jenis Perkahwinan

Jenis Perkahwinan	Bilangan
1. Perkahwinan Endogami	
(a) Dengan adik beradik	22
(2) Dengan orang sekampung	7
2. Perkahwinan Eksogami	11
JUMLAH	40

Dariapda 29 orang yang mengamalkan endogami, 22 daripada berkahwin dengan adik beradik manakala 7 orang berkahwin dengan orang sekampung.

Di Kampung Pengkalan Keriang, didapati 9 daripada pasangan mdua yang telah berkahwin antara 1 hingga 5 tahun telahpun berkenalan dengan pasangannya itu sebelum mereka berkahwin. Seorang responden memberitahu bahawa beliau berkenalan dengan isterinya ketika sama-sama bekerja di sebuah kilang di Sungai Petani. Perkenalan mereka yang menjangkau hampir satu tahun akhirnya membawa ke jinjang pelamin.

Seorang lagi responden yang ditemui menceritakan bahawa beliau menemui pasangannya ketika masih bersekolah lagi. Pada masa itu suaminya sudah tamat pelajaran manakala beliau sendiri sedang belajar di Tingkatan 4. Apabila tamat pelajrannya beliau terus melangsungkan perkahwinan.

Kebanyakan pasangan kelamin yang ditemuduga adalah golongan tua di mana purata umurnya melebihi 40 tahun ke atas. Hampir kesemua daripada mereka berkahwin atas dasar pilihan keluarga di mana pasangannya itu mungkin ada hubungan adik beradik ataupun satu kampung dengannya. Menurut pendapat mereka, ini adalah untuk mendekatkan adik beradik dan menjamin supaya harta pusaka mereka tidak jatuh ke tangan orang lain.

Mengikut Islam kaum lelaki disunatkan memilih isteri mengikut beberapa sifat seperti perempuan itu masih gadis, kuat agamanya, keturunan yang baik dan banyak anak serta perempuan yang tidak ada hubungan keluarga dengan lelaki itu. Sekiranya hendak berkahwin dengan perempuan yang ada hubungan kekeluargaan, hendaklah keluarga yang jauh.

Terdapat satu formula penting yang dikemukakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. tentang sebaik-baik cara memilih jodoh yang boleh didapati dalam hadis baginda yang bermaksud:

"Janganlah kamu kahwin wanita kerana ingin melihat kecantikannya, mungkin kecantikannya itu akan membawa kerosakan bagi mereka sendiri. Dan janganlah kahwini mereka kerana mengharap harta mereka, mungkin hartanya itu akan menyebabkan mereka sompong. Tetapi kahwinilah wanita kerana agamanya."

Hadis riwayat Al-Baihaqiy

Namun begitu masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang lebih banyak berkahwin secara endogami iaitu mereka mempunyai hubungan adik beradik sama ada sepupu, dua pupu, tiga pupu ataupun bau-bau bacang.

Walaupun demikian, terdapat larangan berkahwin (incest) dalam adat masyarakat Melayu yang kebanyakannya berlandaskan kepada hukum-hukum Islam. Antara orang yang haram dikahwini mengikut hukum Islam ialah:

- (a) Nenek hinggalah ke atas
- (b) Anak, cucu dan seterusnya ke bawah
- (c) Saudara perempuan seibu sebaa atau sebaa atau seibu sahaja
- (d) Emak saudara dari sebelah ibu dan bapa hinggalah ke atas
- (e) Anak saudara dari adik beradik lelaki dan perempuan hingga ke bawah

Dengan kata lain, perkahwinan tidak boleh dilakukan di antara orang-orang yang mempunyai hubungan nasab atau pertalian perkahwinan. Ini bermakna pada prinsipnya, seseorang itu dilarang berkahwin dengan 'ascendant' dan 'descendant'nya dan anak-anak adik beradiknya. Lelaki dan perempuan dilarang berkahwin dengan orang-orang yang ada hubungan susuan. Seseorang lelaki itu juga dilarang mempunyai dua isteri pada masa yang sama mempunyai hubungan nasab, pertalian perkahwinan atau susuan.

Larangan berkahwin ini adalah bertujuan untuk menjaga keturunan dan memelihara hubungan persaudaraan. Perkahwinan antara adik beradik dekat dikatakan akan meningalkan kesan yang tidak baik ke atas anak-anak yang bakal lahir.

## 2.2 Umur Perkahwinan

Masyarakat Melayu di Kampung Pengkalan Keriang biasanya berkahwin pada umur yang muda, terutama ke atas golongan tua di kampung. Kebanyakan daripada mereka berkahwin pada usia 12 hingga 15 tahun. Didapati perempuan yang berumur dalam lingkungan 40 tahun ke atas berkahwin dalam usia 14, 15 dan 16 tahun manakala wanita yang berumur 60 tahun ke atas berkahwin pada umur 12 dan 13 tahun.

Pada zaman dahulu pelajaran anak-anak tidak begitu ditekankan. Anak-anak hanya diberi pelajaran sehingga sekolah rendah sahaja. Kebanyakan orang-orang tua yang ditemuduga menyatakan bahawa mereka hanya mengaji sehingga Darjah 3 dan sehingga Darjah 6 sahaja.

Mengikut pendapat seorang responden, "anak dara sekarang lambat dewasa jika dibandingkan dengan zaman dahulu. Pada usia 12 tahun, seorang anak dara itu sudah pandai membuat kerja dapur. Anak-anak dara sekarang, walaupun sudah berumur 15 tahun tetapi belum tahu memasak nasi dan membuat kerja rumah." Inilah yang menjadi sebab mengapa anak dara zaman dahulu berkahwin pada umur yang muda. Tambahan pula, keluarga menggalakkan kahwin apda usia muda kerana takut anak mereka dikatakan anak dara tua atau tidak laku.

### 2.3 Istiadat Perkahwinan

#### (a) Merisik

Adat merisik ialah untuk mengetahui latarbelakang gadis yang hendak dipinang itu. Merisik dilakukan apabila seseorang "anak teruna" itu tertarik hati kepada seorang anak dara yang tidak dikenali dan ingin memperisterikannya ataupun pada diri seorang lelaki itu telah timbul keinginan untuk beristeri dan masalah pemilihannya diserahkan bulat-bulat kepada kedua ibubapa.

Seorang perempuan yang agak berumur dan boleh dipercaya i disuruh merisik untuk mendapatkan maklumat tentang diri anak dara yang hendak dijodohkan dengan anak terunanya. Amalan merisik ini bertujuan untuk mengetahui tentang akhlak, tingkah laku, kerajinan menguruskan rumahtangga dan lain-lain lagi. Bagi setengah orang, latarbelakang kedua ibubapa juga diambil kira. Risikan dibuat dengan bertanyakan orang-orang yang terdekat dan mengenali anak dara tersebut.

Menurut petua yang didapati daripada seorang responden yang telah banyak kali merisik menantu orang, jikalau semasa wakil tiba di rumah anak dara didapati ia sedang mandi, adalah merupakan petanda yang baik. Anak dara itu dikatakan sesuai dengan anak teruna yang hendak dijodohkan itu serta dianggap serasi. Jika didapati anak dara itu sedang tidur atau memasak, dipercayai jodoh itu tidak serasi. Kalau dalam perjalanan ke rumah anak dara tadi, terjumpa biawak atau ular melintasi jalan, ini menunjukkan satu malapetaka akan berlaku jika keduanya itu disatukan.

Istiadat merisik ini dilakukan ke atas anak dara yang belum dikenali hati budinya. Jikalau anak dara itu ada hubungan adik beradik dengan keluarga anak teruna dan mereka telahpun tahu sedikit sebanyak perlakuan anak dara itu, upacara merisik tidak dilakukan lagi. Sebaliknya urusan meminang terus dijalankan.

Setelah urusan merisik dilakukan dan pihak anak teruna berpuas hati dengan anak dara tersebut, langkah seterusnya ialah meminang anak dara tadi. Upacara ini dilakukan oleh pihak anak teruna kepada pihak anak dara untuk menyatakan hasratnya secara rasmi. Biasanya keputusan daripada pihak anak dara tidak diberitahu pada ketika itu juga kerana pada amalannya pihak ibubapa perlu berunding dengan anak daranya dan dengan adik beradik yang terdekat.

(b) Bertunang

Setelah berunding dengan pihak anak dara dan persetujuan telah dicapai antara adik beradik, pinangan akan diterima. Istiadat pertunangan akan menyusul kemudian pada tarikh yang dipersetujui antara kedua belah pihak.

Dalam istiadat peminangan ini, rombongan pihak anak teruna akan datang ke rumah pihak anak dara dengan membawa bersamanya hantaran sirih junjung yang merupakan hantaran paling utama. Hantaran sirih junjung yang dibawa oleh pihak anak teruna digubah indah. Daun sirih disusun dengan menggunakan angka ganjil seperti 3 atau 5 kerana angka-angka ganjil ini dipercayai akan membawa kebahagiaan dan kerukunan hidup bakal pengantin. Kapur, gambir dan buah pinang juga diserakan bersama. Di samping itu barang-barang hantaran lain juga dibawa

termasuklah sebentuk cincin, kuih-muih tradisional, buah-buahan, barang-barang keperluan seperti sepasang baju, tua la dan telekung yang digubah indah disertakan bersama.

Pada kebiasaananya bilangan hantaran juga berangka ganjil. Bilangan genap dipercayai mempunyai implikasi yang tidak baik terhadap perkahwinan itu. Hantaran itu mungkin berjumlah 5, 7, 9, 11, 13 dan seterusnya. Bilangan yang lebih banyak menunjukkan kemampuan pihak anak teruna. Walaupun begitu di Kampung Pengkalan Keriang, pihak anak teruna biasanya menghantar 9 dulang hantaran, sementara pihak anak dara akan membalias 12 dulang.

Setelah perbincangan antara pihak anak teruna dan pihak anak dara berlaku dan pinangan diterima, berbagai perbincangan lain diteruskan seperti menentukan tempoh pertunangan dan menetapkan tarikh perkahwinan serta jumlah hantaran belanja. Jumlah belanja kahwin ini ditentukan oleh pihak anak dara.

Di negeri Kedah, sejajar dengan proses dan peredaran masa, jumlah hantaran belanja kian meningkat malah dikatakan bahawa jumlah hantaran belanja di negeri Kedah adalah amat tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Jumlah hantaran belanja ini bergantung kepada beberapa faktor seperti taraf ekonomi dan status keluarga yang terlibat, pekerjaan anak teruna dan anak dara, kelulusan akademik mereka dan sejauh mana pihak anak teruna inginkan anak dara tersebut.

Di kampung kajian, wang hantaran anak dara tulusan universiti telah meningkat kepada \$5000 dan jumlah ini berkurangan bagi mereka yang hanya bersekolah sehingga STP, SPM dan SRP. Anak dara terpelajar atau yang bekerja dan mempunyai kedudukan yang baik, wang hantarannya lebih tinggi daripada anak dara biasa yang kurang berpelajaran dan tidak bekerja. Biasanya pihak anak teruna akan menerima sahaja jumlah wang hantaran yang ditentukan. Kadangkala ada juga tawar menawar antara kedua belah pihak lelaki dan perempuan yang akhirnya menetapkan jumlah yang dipersetujui antara kedua belah pihak. Jarang sekali berlaku di mana kedua belah pihak tidak mahu bertolak ansur dalam menentukan jumlah wang hantaran itu.

Setelah perundingan selesai, istiadat menyarungkan cincin dijalankan. Dalam hal ini biasanya emak atau kakak atau adik beradik terdekat kepada anak teruna akan menyarungkan cincin ke jari manis tangan kanan anak dara. Dengan itu rasmilah pertunangan tersebut.

Sedikit kenduri diadakan mengikut kemampuan keluarga. Di kampung kajian, kenduri di hari pertunangan ini diadakan secara kecil-kecilan sahaja dengan menjemput adik beradik yang terdekat dan jiran sekampung. Selepas jamuan, pihak lelaki akan membawa balik hantaran yang dibalas oleh pihak perempuan.

#### (c) Menjelang Kenduri Kahwin

Dua atau tiga minggu sebelum kenduri kahwin diadakan, ibubapa kepada anak dara dan anak teruna dan wakil-wakil yang dilantik untuk tujuan memanggil orang mula memainkan peranan mereka dengan memanggil orang-orang yang terdiri daripada adik beradik

terdekat dan jauh serta orang-orang **kampung dan juga di kampung** yang berhampiran. Sekarang ini kad-kad jemputan **kahwin digunakan** untuk memudahkan urusan "memanggil".

Beberapa hari sebelum majlis kenduri kahwin, khemah untuk memasak dan menghidangkan makanan didirikan. Jika rumah yang akan mengadakan kenduri itu agak kecil, didirikan 'balai' yang digunakan untuk jemputan lelaki. Orang-orang perempuan akan makan di dalam rumah.

Kampung kawasan kajian mempunyai pakatan pinggan manguk yang dikenali sebagai Pakatan Pemuda Hutan Kandis dan Pengkalan Keriang yang menyediakan segala kemudahan dan kelengkapan untuk mengadakan kenduri kahwin. Pakatan ini disertai oleh penduduk-penduduk Kampung Hutan Kandis dan Pengkalan Keriang di amna kemudahan ini hanya dihadkan kepada dua buah kampung tersebut sahaja.

Sehari sebelum majlis kenduri kahwin, orang-orang perempuan akan bergotong-royong menyediakan bahan-bahan yang diperlukan untuk memasak seperti mengupas bawang dan membuat kerisik. Pada masa yang sama, beberapa orang yang kreatif dan mahir dalam hias menghias akan menghias bilik anak dara. Katil serta kelengkapan serba baru diatur indah termasuk kelambu gantung yang dihias rapi. Di situlah sebahagian daripada wang hantaran dibelanjakan. Sebahagian lagi digunakan oleh pihak anak dara untuk belanja kenduri. Bunga telur juga disediakan sebagai penyeri kepada majlis kenduri kahwin tersebut.

Di sebelah malamnya pengantin perempuan diinaikan. Daun inai ditumbuk halus dan diinaikan di hujung jari tangan dan kaki, di tapak tangan serta keliling tapak kaki.

(d) Kenduri Kahwin

Di hari-hari biasa sudah menjadi tugas seorang perempuan atau isteri, memasak untuk suaminya tetapi di hari kenduri kahwin, tugas memasak diserahkan kepada kaum lelaki. Kaum perempuan hanya membantu serba sedikit sahaja. Segala urusan dalam hal masak-memasak dibuat atas dasar gotong-royong. Tiada bayaran diberikan kecuali mereka yang bekerjasama di dalam menolong dan menjayakan kenduri ini diberikan nasi dan lauk yang dibungkus sendiri untuk dibawa balik ke rumah.

Majlis kenduri kahwin pihak anak dara adalah lebih besar daripada pihak anak teruna. Bagi keluarga yang mempunyai anak yang ramai, anak sulung dan anak yang paling akhir dalam keluarga, majlis kenduri kahwinnya diadakan secara besar-besaran jika dibandingkan dengan anak-anak yang lain. Bagi yang tidak mampu majlis kenduri kahwin diadakan secara kecil-kecilan sahaja.

Di pagi hari kenduri kahwin beberapa orang lelaki akan datang ke rumah kenduri untuk bergotong-royong menyembelih lembu. Biasanya seekor atau dua ekor lembu sahaja bagi satu-satu majlis kenduri kahwin. Kemudian mereka akan 'melapah' daging lembu itu dengan ditolong oleh ramai lagi orang-orang kampung yang mulai datang untuk menjayakan kenduri kahwin itu.

Apabila daging siap dipotong ~~rempah mula ditumis~~. Nasi minyak pun dimasak dengan menggunakan 'kawah'. Lebih kurang pukul 11.00 pagi makanan sudah siap dimasak. Orang-orang yang bekerja dari awal pagi lagi dijamu dahulu. Pada waktu tengahari, mulalah orang-orang yang dijemput datang. 'Mentara' mula mengangkat hidangan kepada para jemputan. Pada setiap hidangan disertakan bunga telur, setiap satu seorang.

Sementara itu anak dara telah siap disolek. Tetamu-tetamu yang datang akan menjenguk sekejap ke bilik anak dara untuk melihat anak dara. Di Kampung Pengkalan Keriang dan di kampung-kampung lain di sekitarnya, upacara bersanding tidak begitu diamalkan lagi. Kemuncak kepada hari kenduri kahwin ialah istiadat menyarungkan cincin.

(e) Akad Nikah

Lebih kurang pukul 3.00 hingga 4 petang, anak teruna bersama rombongannya akan datang ke rumah kenduri (anak dara). Pihak anak teruna akan membawa bersama-sama maskahwin, sirih junjung, sebentuk cincin perkahwinan dan lain-lain hantaran. Hantaran itu diletakkan di tengah-tengah rumah bersebelahan dengan gubahan hantaran yang disediakan oleh pihak anak dara.

Setelah Kadi atau Imam datang, akad nikah dijalankan dengan beberapa orang saksi dari sebelah anak teruna dan sebelah anak dara. Kadangkala akad nikah juga dilakukan di masjid. Selepas diakadnikahkan, barulah anak teruna yang berpakaian serba cantik itu menemui anak dara dan menyarungkan cincin perkahwinan. Anak dara akan mencium tangan

suaminya tiga kali berturut-turut.

Kemudian anak teruna dihidangkan dengan nasi bersama lauk pauk yang khas dimasak untuk pengantin. Anak dara akan makan bersama dengan orang perempuan sebelah anak teruna yang datang bersama dengan rombongan anak teruna. Manakala anak teruna akan makan bersama dengan orang lelaki yang datang bersamanya dan adik beradik lelaki terdekat sebelah anak dara.

Setelah selesai jamuan makan rombongan anak teruna akan pulang. Sebelum itu mereka akan diberikan bunga telur yang digubah indah dan lebih cantik daripada yang diberikan kepada jemputan biasa. Rombongan itu akan membawa balik bersama-sama mereka hantaran-hantaran yang telah dibalas oleh pihak anak dara.

(f) Kenduri Di Rumah Anak Teruna

Beberapa hari atau selang sehari, kenduri di rumah anak dara diadakan pula kenduri di rumah anak teruna. Di hari tersebut anak teruna bersama beberapa orang kawan dan adik beradiknya akan menjemput anak dara ke rumahnya.

Apabila anak teruna dan rombongannya sampai di rumah anak dara, mereka disambut dengan menyediakan sedikit kenduri ringan seperti kuih-muih dan mee atau bihun goreng. Adik beradik anak dara yang terdekat berkumpul di rumah itu. Kemudian anak teruna dan anak dara akan bersalaman dengan emak dan bapa anak dara, tok dan tok wan serta adik beradik yang lain.

Setelah itu kedua-dua pengantin akan turun dari rumah dan masuk ke dalam kereta yang telah disediakan oleh pihak anak teruna. Kemudian rombongan itu bersama-sama pengantin dan orang-orang sebelah pihak anak dara akan juga ke rumah anak teruna. Di rumah anak teruna mereka disambut meriah dengan renjisan air mawar. Anak dara bersama penemannya ditempatkan di bilik anak dara. Di situ lah mereka dihidangkan dengan nasi kenduri. Anak dara akan bermalam di rumah anak teruna.

#### 2.4 Kediaman Selepas Kahwin

Keesokan harinya pasangan suami isteri itu akan pulang ke rumah keluarga isteri. Tinggallah mereka selama beberapa minggu di rumah ibubapa isteri sambil bertandang dan berkenal-kenalan dengan adik beradik isteri. Kemudian pasangan itu berpindah pula ke rumah ibubapa si suami. Keadaan ini berulang-ulang sehingga lah mereka mempunyai tempat kediaman yang tetap. Prinsip kediaman seperti di atas dikenali sebagai bilocal.

Daripada kes-kes yang dikaji, didapati 31 pasangan tinggal bersama keluarga suami atau patrilocal dan 9 yang lain tinggal bersama keluarga isteri atau matrilocal. Setelah tinggal bersama keluarga, dengan duit yang dikumpulkan oleh suami berserta bantuan keluarganya rumah yang berasingan dibina untuk pasangan tersebut. Rumah yang didirikan selalunya berhampiran dengan rumah ibubapa. Dalam masyarakat luar bandar, kediaman jenis ini banyak didapati di mana terdapat sebuah rumah induk (rumah ibubapa) yang dikelilingi oleh dua atau tiga buah rumah anak-anaknya.

Di Kampung Pengkalan keriang ~~didapati kelompok~~ kekeluargaan yang tinggal dalam rumah-rumah yang ~~berdekatan antara~~ satu sama lain terdiri daripada 5 kelompok. Tiap-tiap kelompok ini pula terdiri daripada 3 hingga 7 buah rumahtangga.


Oleh kerana setiap daripada ahli rumahtangga mempunyai hubungan kekerabatan yang kuat, mereka saling tolong menolong di antara satu sama lain. Di ketika susah, kaum keluarga inilah yang datang membantu dan dalam masa gembira juga adik beradik diperlukan seperti kenduri perkahwinan, pertunangan dan bercukur rambut anak.

### BAB III

#### BENTUK-BENTUK KELUARGA


Di dalam edaran hidup manusia terdapat dua jenis keluarga yang dilakui iaitu keluarga orientasi dan keluarga prokreasi. Keluarga orientasi adalah keluarga di mana seseorang itu dilahirkan dan disosialisasikan untuk hidup dalam masyarakat.

Keluarga prokreasi adalah keluarga yang diasaskan oleh seseorang individu apabila ia berkahwin dan membentuk keluarganya sendiri. Jadi, seseorang itu menjadi anak dalam keluarga orientasi, menjadi bapa atau ibu dalam keluarga prokreasi dan kadang-kadang seseorang itu terlibat dalam kedua-dua jenis keluarga pada ketika yang sama.




Dalam sebuah rumah tangga juga terdapat sekurang-kurangnya satu keluarga asas atau keluarga nuklear yang terdiri daripada sepasang suami isteri dan anak-anak mereka yang masih kecil dan belum berkahwin.

Kombinasi beberapa keluarga asas mewujudkan satu keluarga luas (extended family). Setiap anggota ada hubungan kekeluargaan antara satu sama lain sama ada melalui perkahwinan ataupun keturunan dan tinggal dalam satu tempat atau rumah. Misalnya sepasang ibubapa yang mempunyai beberapa orang anak yang telah berkahwin dan kemudian tinggal bersama-sama dalam satu rumah. Sekurang-kurangnya terdapat tiga generasi iaitu generasi ibubapa, generasi anak dan generasi cucu.




Keluarga bersekutu berhasil daripada gabungan beberapa keluarga asas akibat dari perkahwinan poligami yang dilakukan oleh seorang bapa. Poligami adalah satu bentuk perkahwinan yang membenarkan seorang suami berkahwin lebih daripada seorang isteri pada sesuatu ketika dan bagi masyarakat Islam tidak melebihi empat orang. Di kampung kajian hanya terdapat 2.5% kes poligami sahaja. Bentuk keluarga gabungan ini dapat dilihat seperti rajah berikut.



Keluarga Bergabung

Satu lagi bentuk keluarga ialah 'joint family' yang mengandungi dua atau lebih keluarga yang tinggal bersama-sama di satu tempat kediaman yang sama. Keadaan ini terjadi apabila dua orang adik-beradik yang berkahwin dan tinggal dalam satu buah rumah.



### 3.1 Kekeluargaan Di Kampung Pengkalan Keriang

Di kampung kajian terdapat beberapa jenis keluarga yang diperhatikan. Jenis-jenis keluarga itu terdapat seperti jadual berikut.

Jadual 2: Jenis-Jenis Keluarga

Jenis-Jenis Keluarga	Bilangan	%
1. Keluarga Asas	25	62.5
2. Keluarga Asas dan Keluarga	8	20
3. Perempuan Bujang (janda)	4	10
4. Poligami	1	2.5
5. Famili Asas dan Orang Menumpang	2	5
JUMLAH	40	100

Daripada 40 keluarga yang dikaji didapati 25 atau 62.5% daripadanya adalah keluarga asas. Keluarga jenis ini mengandungi sepasang ibubapa dan anak-anak mereka yang belum berkahwin. ADA juga anak-anak mereka yang telah berkahwin tetapi akhirnya pasangan muda itu akan berpindah ke rumah yang baru dengan membentuk keluarganya sendiri. Tinggallah keluarga asal tadi sebagai keluarga nuklear bersama-sama anak perempuan dan anak lelaki yang belum berkahwin.

Anak lelaki akan membantu serba sedikit kerja bapanya di sawah semasa cuti sekolah. Jikalau yang telah bekerja dan tinggal bersama-sama keluarganya, mereka akan menyumbangkan sedikit daripada gaji mereka untuk belanja dapur dan membantu adik-adiknya yang masih bersekolah. Anak perempuan pula menolong ibu di dapur.

Dalam keluarga seorang responden, didapati ketiga-tiga orang anak lelakinya yang sudah tamat persekolahan bekerja buruh binaan dengan gaji \$5.00 sehari bagi membantu ibubapanya dalam hal

belanja dapur dan persekolahan adik-adiknya yang lain. Malahan berkat daripada kerajian dan perkongsian ketiga-tiga beradik tersebut bekerja, mereka telah berjaya membeli radio, televisyen dan perabot rumah.

Keluarga asas yang tinggal bersama keluarganya terdapat sebanyak 8 buah. Keluarga begini dikenali juga sebagai 'extended family'. Secara umumnya 'extended family' mengandungi tiga generasi. Anak yang bongsu dalam keluarga akan tinggal bersama-sama keluarganya selepas berkahwin. Suami akan menolong bapanya di sawah. Jikalau si bapa telah tua dan uzur, semua urusan penanaman padi diserahkan sepenuhnya kepada anak lelakinya itu.

Terdapat 2 kes di kampung kajian di mana menantu lelaki tinggal bersama-sama bapa mertuanya, kerana isterinya adalah anak bongsu. Kediaman barunya dianggap seperti rumah sendiri dan ia akan membantu bapa mertuanya bekerja di sawah. Manakala si isteri membantu ibunya di dapur dan dalam kebanyakan keadaan si isteri menguasai sepenuhnya hal rumahtangga seperti menguruskan perbelanjaan rumahtangga, memasak, membasuh dan sebagainya. Si ibu yang agak tua hanya membantu serba sedikit.

Kadangkala si isteri terpaksa membantu kerja-kerja suaminya di sawah, maka dengan itu segala tugas rumahtangga seperti memasak dan menjaga anak selama ketiadaannya diserahkan kepada ibunya. Keadaan begini sudah menjadi kelaziman bagi keluarga Melayu di Kampung Pengkalan Keriang.

Jenis keluarga seterusnya ialah keluarga yang mengandungi hanya seorang penghuni sahaja dalam satu rumah. Lazimnya perempuan janda yang telah diceraikan oleh suaminya atau kematian suami. Di kawasan kajian terdapat 4 orang wanita yang tinggal keseorangan dalam rumahnya. Dua orang wanita telah bercerai mati dengan suaminya manakala anak-anak kesemuanya telah berkahwin dan mempunyai rumah sendiri. Oleh itu tinggallah ia keseorangan dalam rumahnya. Namun begitu kadangkala anak-anak yang jauh sering menjenguknya terutama di hari-hari kelepasan am dan cuti Hari Raya Puasa dan Hari Raya Korban. Anak-anak yang tinggal berdekatan dengan rumahnya pula sering menghantar makanan dan kadang-kadang menjemputnya ke rumah mereka untuk makan.

Walaupun tinggal berasingan dengan anak-anak, sakit peningnya sering diambil berat oleh adik-beradik dan anak-anak. Ini adalah kerana bagi orang-orang Melayu terutamanya masyarakat kampung, mereka terlalu menghargai dan mengenang jasa kedua orang tua yang telah membesar mereka sejak dari kecil lagi.

Mengikut Islam, seorang lelaki dibenarkan berpoligami sehingga 4 orang sekiranya ia mampu. Di kawasan kajian terdapat satu kes poligami tetapi suami tersebut hanya mempunyai dua orang isteri sahaja. Isteri-isterinya tinggal di kampung yang berlainan. Isteri pertama lelaki tersebut tinggal di Kampung Hutan Kandis manakala isteri keduanya tinggal di kampung kajian. Dengan isterinya yang pertama, beliau mendapat 4 orang anak perempuan manakala bersama isteri mudanya, beliau belum lagi mempunyai anak. Isteri keduanya ini menolong suami dengan bekerja mengambil upah menanam padi.

Sedikit dari hasil pendapatannya diberikan kepada anak-anak tirinya untuk belanja sekolah.


Keluarga seterusnya yang terdapat di Kampung Pengkalan Keriang ialah keluarga asas bersama orang yang menumpang. Keluarga jenis ini terdapat 2 buah atau 5% daripada keseluruhan keluarga yang dikaji. Orang yang menumpang keluarga asas tersebut ialah adik lelaki kepada suami dan anak menakannya.

Mereka yang menumpang ini adalah anak muda yang sudah tamat pelajarannya tetapi tidak mempunyai pekerjaan. Ia hanya membantu serba sedikit kelaurga yang ditumpanginya. Dalam beberapa keadaan orang yang menumpang ini disuruh menjaga rumah ketika kedua-dua pasangan suami isteri itu balik ke rumah ibubapa atau mertuanya.


### **3.2 Struktur Keluarga**

Kekeluargaan juga dapat dianalisa mengikut 3 peringkat iaitu keluarga baru, keluarga menengah dan keluarga dewasa. Keluarga baru mengandungi pasangan suami isteri yang baru berkahwin tetapi belum mempunyai anak.

Keluarga menengah pula adalah keluarga yang telah lama berkahwin dan mempunyai anak-anak yang belum lagi berkahwin. Dalam keluarga dewasa pula telah ada anak-anak yang berkahwin atau kesemua daripada anak-anaknya telah berkahwin. Ada juga yang hanya tinggal seorang sahaja sama ada ibu atau bapa kerana salah seorangnya telah meninggal dunia.



Keluarga Menengah



Keluarga Dewasa

Tinggal 1 orang sahaja

Secara ringkasnya jumlah struktur-struktur keluarga yang dibincangkan di atas dapat dilihat dalam jadual berikut.

Jadual 3: Struktur Keluarga

Keluarga	Bilangan
Keluarga Baru	6
Keluarga Menengah	18
Keluarga Dewasa	15

Umumnya, keluarga yang banyak terdapat di Kampung Pengkalan Keriang adalah keluarga menengah iaitu sebanyak 18 buah dan kemudiannya diikuti oleh keluarga dewasa sebanyak 15 buah dan keluarga baru 6 buah. Keluarga baru amat sedikit kerana pada kebaisaannya pasangan yang baru berkahwin akan berpindah ke tempat baru di mana si suami bekerja.

Didapati anak-anak muda di kawasan kajian mempunyai pekerjaan tetap seperti kerani bank, doktor, akauntan dan sebagainya berpindah ke tempat baru yang berdekatan dengan tempat kerja masing-masing.

Di sini dapat dilihat bahawa mobiliti sosial berlaku di mana anak yang mendapat didikan yang tinggi akan berhijrah jauh dari kampungnya dan kedudukan pekerjaan mereka dapat merubah kedudukan yang lebih tinggi dari status awalnya. Kampung halaman tempat mereka dibesarkan hanya diziarahi ketika musim-musim perayaan dan cuti am. Setelah cuti habis mereka akan pulang ke tempat kerja masing-masing.

Dalam keluarga menengah, anak-anak yang sudah besar panjang tetapi belum berkahwin meninggalkan kampung untuk bekerja di bandar-bandar seperti Sungai Petani, Pulau Pinang, Ipoh dan Kuala Lumpur. Hanya tinggal beberapa 'kerat' sahaja yang sudi menolong bapanya mengerjakan bendang. Mobiliti geografi seperti ini banyak juga berlaku di kampung-kampung lain.

Sementara itu dalam keluarga dewasa hanya tinggal kedua ibubapa yang telah tua atau salah seorang daripadanya kerana anak-anak telah berkahwin dan tinggal di rumah sendiri. Mereka hanya diziarahi sekali sekala sahaja.

Seorang responden memberitahu, anaknya sering memujuk beliau agar tinggal bersama-sama di bandar supaya makan minumannya lebih teratur dan sakit peningnya ada orang yang merawat tetapi beliau menolak atas alasan rumah di kampung tiada orang menjaga. Jadi tinggallah ia di kampung seorang diri di rumah pusaka tinggalah suaminya.

### 3.3 Saiz Keluarga

Paling kurang sesebuah rumahtangga mengandungi seorang anggota keluarga. Bilangan anggota keluarga dapat dilihat melalui jadual di bawah.

Jadual 4: Saiz Keluarga

Bilangan Anggota	Bilangan Rumahtangga
1	4
2	1
3	8
4	5
5	3
6	6
7	9
8	1
9	2
10	-
11	1

Jumlah keluarga yang paling besar seramai 11 orang di mana dalam keluarga tersebut terdapat 9 orang anak bersama kedua ibubapanya. Anak sulung berumur 25 tahun dan yang paling bongsu berumur 5 tahun. Keluarga yang paling kecil hanya seorang sahaja tinggal dalam satu unit rumah. Sejumlah 4 buah rumahtangga jenis ini terdapat di Kampung Pengkalan Keriang di mana anggota rumah itu adalah seorang janda yang

tidak mempunyai anak dan mempunyai anak tetapi tinggal seorang diri dalam rumahnya.

Kebanyakan daripada unit keluarga di kampung kajian mempunyai ahli keluarga seramai 7 orang. Dari jadual didapati 9 buah keluarga mempunyai ahli sebanyak itu. 8 buah rumahtangga mempunyai 3 orang anggota keluarga yang terdiri daripada suami isteri dan seorang anak.

### 3.4 Hubungan Antara Anggota Keluarga

#### (a) Hubungan Suami dan Isteri

Hubungan antara suami isteri berdasarkan kasih sayang dan bercorak formal. Isteri membahasakan dirinya dengan singkatan nama sahaja seperti 'Yah', 'Mah' dan sebagainya, manakala suami pula membahasakan dirinya sebagai 'abang' atau 'aku'. Jika pasangan itu sudah mempunyai anak, isteri memanggil suaminya 'pak hang' manakala suami memanggil isterinya 'mak hang'.

Perhubungan suami isteri yang baik dapat dilihat jika pasangan itu kelihatan bekerja bersama di bendang. Isteri akan membunceng basikal atau motosikal suaminya untuk sama-sama pergi mengerjakan bendang. Hubungan suami isteri yang bercorak ekonomi ini menyebabkan mereka kelihatan lebih mesra dengan saling tolong menolong mencari rezeki keluarga.

Kebanyakan isteri atau kaum wanita di kampung kajian, selain daripada menolong suami bekerja di bendang sendiri, isteri juga mengambil upah menanam padi orang lain bagi menambahkan

pendapatan keluarga. Terdapat juga tiga orang suri rumah membuat dan menjual kuih muih serta menerima tempahan untuk membuat kuih untuk hari raya dan kenduri kahwin. Seorang lagi suri rumah mengambil upah menjahit baju. Pendapatan yang diperolehi dapat digunakan bagi membantu suami menampung perbelanjaan keluarga. Hubungan ekonomi antara suami isteri ini menyebabkan mereka saling bergantung antara satu sama lain.

(b) Hubungan Bapa dan Anak-Anak

Bapa adalah ketua keluarga di mana segala kata pemutus terletak di dalam tangannya. Bapa juga merupakan orang yang paling ditakuti dalam keluarga. Oleh itu perhubungan dengan bapa adalah melalui ibu. Apabila seseorang anak itu ingin mendapatkan kebenaran untuk membuat sesuatu perkara, biasanya ia akan memberitahu ibunya terlebih dahulu. Ibu pula disuruh untuk mendapatkan keizinan daripada bapa.

Namun begitu, bapa lebih rapat dengan anak lelaki jika dibandingkan dengan anak perempuan. Anak lelaki akan menolong si bapa bekerja di bendang semasa cuti sekolah. Kadang-kadang anak lelaki yang sering menemani bapanya ke pasar. Semasa ketiadaan bapa anak lelakilah yang mengambil-alih tugasnya.

(c) Hubungan Ibu dan Anak-Anak

Hubungan ibu dengan anak-anak adalah lebih rapat kerana ibulah yang menghabiskan lebih banyak masa bersama dengan anak-anaknya. Proses mendidik anak-anak lebih banyak terletak di tangan ibu. Dalam

proses mengajar dan mendidik ini, ibu menggunakan beberapa cara untuk membetulkan kesalahan atau kesilapan yang dilakukan oleh anak-anak.

Ketika anak nakal, ibu sering menakutkan mereka dengan menggunakan binatang-binatang yang mereka takuti seperti, "jangan pergi, nanti musang ambil". Musang, tikus dan cicak adalah binatang yang ditakuti oleh anak-anak. Jika anak-anak tidak mendengar cakap, mereka sering dimarahi. Kadang-kadang mereka dipukul. Memukul anak-anak bukanlah bertujuan untuk menyakitkan mereka, tetapi semata-mata untuk mengajar mereka supaya tidak melakukan kesalahan yang sama berulang kali.

Ibu juga yang sering mengajar anak-anaknya membaca al-Quran. Ketika anak perempuan mulai remaja, mereka diajar memasak dan menguruskan rumah tangga. Anak-anak lelaki dan perempuan lebih rapat dengan ibu berbanding dengan bapa, oleh itu mereka lebih banyak mengadu sesuatu hal kepada ibunya.

(d) Hubungan Menantu dan Mertua

Menantu dianggap bukan orang lain dalam keluarga mertuanya. Menantu diwajibkan menghormati mertua sebagaimana mereka wajib menghormati ibubapa mereka sendiri. Menantu perempuan jarang berbual dengan bapa mertuanya dan hubungan mereka adalah secara formal sedangkan hubungan menantu perempuan dengan emak mertua adalah lebih mesra.

Sebaliknya hubungan menantu lelaki dengan kedua ibubapa mertuanya lebih kurang sama. Ziarah menziarahi kerap berlaku di antara mereka jika tinggal berjauhan. Ini dilakukan terutama di waktu sakit, kenduri-kendara dan hari raya.

(e) Hubungan Cucu Dengan Tok dan Tok Wan

Perhubungan di antara cucu dengan tok dan tok wan adalah saling sayang menyayangi kerana tok dan tok wan sering memanjai mereka lebih daripada ibubapa. Hubungan antara tok dan tok wan dengan cucunya lebih rapat jika mereka tinggal bersama-sama dengan keluarga cucunya. Mereka akan mengajar cucunya mengaji dan kadang-kadang bercerita dalam usaha mendidik cucunya itu. Antara kisah-kisah yang sering diceritakan seperti Bawang Putih Bawang Merah dan kisah-kisah Sang Kancil,

Jika tok dan tok wan tidak tinggal bersama dengan cucunya, mereka akan sering menziarahi cucunya itu dengan alasan 'rindukan cucu'. Di waktu cuti sekolah, cucu itu akan tinggal bersama tok dan tok wannya.

Di Kampung Pengkalan Keriang, orang-orang tua lebih banyak daripada anak-anak muda. Ini disebabkan golongan muda yang banyak berhijrah ke bandar. Keluarga menengah lebih banyak dengan saiz keluarga yang agak besar iaitu seramai 7 orang.

## BAB IV

### KESTABILAN KELUARGA

Setiap rumahtangga yang didirikan adalah bertujuan untuk mencipta satu corak hidup yang lebih progresif, aman dan tenteram. Suami isteri bertanggungjawab mewujudkan suasana bahagia dengan perasaan kasih sayang dan cinta mencintai di antara keduanya agar perkahwinan berkekalan.

Perkahwinan yang bahagia memperteguhkan perasaan dan boleh meyakinkan serta menjadi seseorang itu mampu menghadapi masalah hariannya dengan lebih berani, yakin dan berkesan di samping dapat membina kebahagiaan jiwa anak-anak dan kaum keluarga.

Kebahagiaan sesebuah rumahtangga adalah menjadi matlamat semua orang. Segala masalah yang timbul sama-sama diatasi untuk kebaikan bersama. Namun pada hakikatnya tidak dapat dinafikan terdapat kemungkinan terjadinya salah faham antara suami isteri. Adakalanya keadaan ini dapat diatasi sehingga hubungan suami isteri itu kembali seperti biasa dan adakalanya perbalahan itu berlarutan sehingga membawa kepada perceraian.

#### 4.1 Perceraian

Konsep perceraian orang-orang Melayu dirujukkan kepada agama Islam. Ini bererti di dalam Islam, walaupun perceraian dibenarkan tetapi tidak digalakkan. Perceraian ialah pembubaran ikatan perkahwinan sama ada ianya berupa tindakan peribadi pihak

suami (talaq, cerai/taklik) atau menceraikan isteri secara 'iwad (khulu) dan juga pembubaran melalui perintah mahkamah seperti fasakh, lian, ila' dan zhihar.

Talaq merupakan kuasa yang ditentukan oleh syarak bagi seorang suami untuk membubarkan ikatan perkahwinan. Namun demikian hak tersebut merupakan suatu langkah terakhir kerana ianya merupakan suatu perkara halal yang paling dibenci oleh Allah s.w.t.

Talaw pula dapat dibahagikan kepada talaq satu, dua dan tiga. Perceraian melalui talaq satu dan dua yang dilafazkan oleh suami, selepas habis iddahnya, kedua-dua pasangan tersebut boleh rujuk kembali. Tetapi jika perceraian talaq tiga berlaku, usaha untuk merujuk menjadi jauh dan adalah tidak mungkin jika pasangan tersebut ingin berkahwin semula. Wanita yang telah ditalaq tiga, jika masa iddahnya sudah berakhir, bebas menikah dengan sesiapa sahaja yang iakehendaki tetapi secara mutlak ia dilarang menikah kembali dengan bekas suaminya. Kecuali jika ia sudah menikah dengan orang lain dan kemudian bercerai lagi, barulah ia dibenarkan menikah kembali dengan bekas suaminya.

Iddah adalah waktu menunggu, lazimnya tiga bulan. Jika si isteri hamil, masa iddah itu berlangsung sehingga anaknya lahir. Seorang wanita yang diceraikan oleh suaminya masih tetap berhak sepenuhnya atas pemeliharaan dari suaminya dalam masa iddah. Si suami tetap sepenuhnya bertanggungjawab atas makanan, pakaian serta keperluan isterinya seperti mereka tidak bercerai.

Khulu' ialah perceraian melalui permohonan dari piak isteri yang disertai dengan 'iwad. Menurut mazhab Shafie, hukum khulu' terbahagi kepada tiga:

- i. Harus jika pihak isteri membenci kelakuan suaminya atau akhlak dan sikap suaminya terhadap agama serta dia takut nanti tidak dapat menunaikan tanggungjawab terhadap suaminya. Dalam keadaan demikian, ia harus mengorbankan hartanya untuk membebaskan dirinya.
- ii. Harus jika kedua suami isteri bersetuju untuk khulu'.
- iii. Jika pihak suami mengugut memukulnya atau mengugut untuk membunuhnya atau enggan memberi nafkah supaya isteri memohon khulu'. Dalam keadaan begini talaq berlaku tetapi pihak suami tidak berhak mendapat 'iwad.

Isteri boleh juga meminta cerai daripada suami dengan cara fasakh. Antara alasan untuk memohon fasakh termasuklah tempat di mana beradanya suami tidak diketahui selama tempoh lebih dari satu tahun, suami tidak memberi nafkah selama 3 bulan, suami mati pucuk, gila dan suami yang sering menganiaya isteri.

Ila' ialah tindakan suami yang bersumpah tidak akan mencampuri isterinya dalam jangkamasa tertentu seperti 4 bulan dan sebagainya. Jangkamasa tersebut perlu ditunggu. Jika ia mencampuri isterinya sebelum cukup jangkamasa tersebut, ia diwajibkan membayar kifarah. Tetapi jika jangkamasa itu tamat, ia masih lagi belum mencampuri isterinya, ia diberikan pilihan sama ada membayar kifarah

dan kembali kepada isterinya atau mentalaqkan isterinya. Jika kedua-dua pilihan itu ditolak, Kadi berkuasa untuk menceraikan isterinya secara paksa.

Zhihar menurut hukum Islam ialah perbuatan menyamai anggota tubuh badan isteri dengan salah seorang muhrimnya seperti dengan ibunya atau adik-beradiknya. Perbuatan itu boleh menyebabkan terbatalkan sesuatu perkahwinan dan suami tersebut diharamkan meneruskan perhubungan sebagai suami isteri.

Li'an berlaku apabila suami menuduh atau mendapat isterinya berzina tetapi tidak mempunyai saksi-saksi lain kecuali dirinya sahaja. Li'an merupakan hak seorang isteri atau dengan kata lain seorang isteri mestilah melakukan li'an apabila diminta oleh suaminya.

Walaupun terdapat banyak cara-cara perceraian yang diperuntukkan oleh Islam, namun tidak digalakkan. Perdamaian antara suami isteri amat dianjurkan.

#### 4.2 Perceraian Di Kota Setar

Perceraian merupakan satu gejala sosial yang tidak dapat dielakkan yang dimulakan akibat ketidaksefahaman antara suami isteri yang tidak dapat diselesaikan bahkan menimbulkan kebencian dan pertelagahan yang terus menerus antara suami isteri. Keadaan konflik seperti inilah yang selalunya mengakibatkan perceraian tidak dapat dielakkan.


Jadual 5: Statistik Kahwin Cerai Daerah Kota Setar

Tahun	Nikah	Cerai	%
1986	2,362	381	16.1
1987	1,380	165	12.0
1988	1,624	376	23.2
1989	1,753	284	22.0
1990	2,106	234	11.0

Sumber: Jabatan Agama Islam Negeri Kedah

Statistik di atas menunjukkan jumlah pernikahan dan perceraian di daerah Kota Setar yang telah didaftarkan di Jabatan Agama Islam Negeri Kedah.

Kadar Perceraian Daerah Kota Setar



Kadar perceraian di daerah Kota Setar adalah tidak statik. Pada tahun 1986 kadarnya 16.1% dan menurun pada tahun 1987 kepada 12.0%. Tetapi jumlahnya meningkat kembali pada tahun 1988 dan 1989 kepada 23.2% dan 22.0% masing-masing. Kemudianya berkurangan kepada 11% pada tahun 1990.

Di kampung kajian, daripada 40 keluarga yang dikaji hanya terdapat 5 kes perceraian. Perceraian itu berlaku sama ada semasa muda wanita yang ditemui dan baru sahaja berlaku iaitu dalam jangka masa kurang dari 5 tahun. Tiga orang berkahwin kembali dengan pasangan barunya.

#### 4.3 Faktor-Faktor Perceraian

Sebelum berlakunya perceraian, terlebih dahulu terjadinya konflik antara suami isteri yang melibatkan beberapa faktor penyebab. Kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa kebanyakan daripada kes-kes perceraian bukannya disebabkan oleh satu-satu faktor tertentu malah melibatkan rangkaian beberapa faktor yang tiap-tiap satunya mempunyai kaitan yang rapat antara satu sama lain. Antara faktor-faktor utama yang dapat dianggap sebagai punca-punca konflik dalam sesebuah rumah tangga ialah:-

1. Pengabaian nafkah dan tanggungjawab suami
2. Poligami
3. Cemburu
4. Ketiadaan Anak

Tanggungjawab suami ialah memberi yang cukup kepada isterinya di samping layanan yang baik, kasih sayang dan sebagainya. Pemberian nafkah yang tidak dapat memenuhi keperluan rumahtangga yang asas boleh menimbulkan konflik. Sebab-sebab yang memungkinkan perkara ini terjadi ialah sama ada suami tidak mamu atau malas bekerja untuk menampung keperluan rumahtangga. Ini merupakan suatu lumrah yang terjadi dalam masyarakat kampung atau luar bandar. Gejala ini menyebabkan pemberian nafkah yang sempurna adalah tidak mungkin sama sekali.

Konflik berlaku apabila suami gagal memenuhi permintaan isterinya yang bergantung harapan kepadanya. Pada peringkat awal perkahwinan, pasangan itu dapat hidup aman, tetapi apabila lahirnya anak-anak, perbelanjaan keluarga makin bertambah. Isteri akan mendesak suami melakukan perkara-perkara yang positif demi masa depan mereka. Jika suami tidak menerima saranan isterinya, biasanya pertengkar dan perselisihan akan berlaku. Krisis tersebut akan berpanjangan selagi pihak suami tidak melakukan tanggungjawabnya.

Dalam satu kes yang didapati di Kampung Pengkalan Keriang si isteri menyatakan perkahwinannya hanya kekal 5 tahun sahaja dengan anak-anak seramai 3 orang. Di akhir-akhir perkahwinan mereka, pertengkar sering berlaku apabila isteri menimbulkan masalah nafkah yang tidak mencukupi bagi menyara ketiga-tiga orang anak mereka yang masih kecil. Si isteri mendakwa suaminya malas bekerja dan suka berpeleseran dengan anak-anak muda yang masih bujang tanpa menghiraukan keadaan keluarganya. Akibat pergaduhan dan pertengkar yang sering berlaku, mereka akhirnya berpisah.

Amalan poligami juga merupakan **perkara yang penting** ke arah menimbulkan konflik antara suami isteri. Islam membolehkan poligami dengan berdasarkan ayat al-Quran berikut:

"... maka kahwinilah beberapa perempuan yang kamu sukai; dua dan tiga dan empat, tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak akan berlaku adil, maka kahwinilah seorang sahaja..."

Al-Quran, Surau an-Nisa, Ayat: 3

Secara dasarnya, Islam membenarkan lelaki berkahwin sehingga 4 orang tetapi ia mestilah dapat menjamin kesejahteraan setiap pihak. Poligami dilarang jika suami tidak mampu menjamin kehidupan yang adil bagi semua isterinya.

Antara sebab-sebab yang biasa dikemukakan untuk berpoligami ialah yang berkait dengan nafsu lelaki, yang dihubungkan pula dengan kebijakan perempuan. Nafsu orang lelaki tidak terbatas sedangkan perempuan mempunyai banyak sebab persetubuhan tidak dapat dijalankan seperti masa haid dan nifas. Dalam keadaan tertentu pula, isteri kadang-kadang mengandung atau bersalin. Ini membebankan suami jika ia kebetulan mempunyai nafsu yang kuat.

Di kawasan kajian terdapat satu kes amalan poligami tetapi tidak kekal lama. Krisis berlaku sebaik sahaja si isteri mendapati suaminya berkahwin lain. Si isteri mendakwa suaminya berkahwin dengan wanita lain tanpa diketahui olehnya. Akibat itu si isteri merasa bimbang dirinya terancam. Pertengkaran sering berlaku sehingga membawa kepada berlakunya perceraian.

Dalam kes-kes poligami, perasaan yang sering dialami oleh isteri yang dimadukan ialah perasaan tidak puas hati terhadap tayangan suami, terpaksa berkongsi kasih sayang dan nafkah dengan orang lain. Kedudukan rumahtangga menjadi tidak stabil, seterusnya menjadi kebencian pihak yang terlibat ditambah pula pandangan serong masyarakat terhadap isteri yang dimadukan hingga akhirnya membawa kepada perceraian.

Satu lagi pasangan yang melakukan poligami dapat bertahan sehingga hari ini, walaupun suaminya berkahwin dengan isteri muda secara sembuni-sembuni dan tanpa pengetahuannya. Pada mulanya isteri pertama tidak dapat menerima hakikat yang ia dimadukan. Pertengkaran sering juga berlaku tetapi tidaklah sehingga membawa kepada perceraian.

Rumahtangga itu kekal kerana isteri tua dapat menerima poligami. Jika ia bercerai dengan suaminya sudah tentu banyak masalah yang timbul kerana ia mempunyai 5 orang anak yang masih bersekolah.

Namun begitu temubual dengan isteri kedua mendapati dirinya tidak dapat diterima sepenuhnya oleh ibubapa dan adik-beradik suaminya. Beliau sering dihina dan dikutuk dengan bermacam-macam tuduhan. Hubungan isteri muda dengan keluarga suaminya amat buruk sekali. Berkat kesabarannya mereka berjaya mengekalkan rumahtangga tersebut sehingga sekarang ini, sejak mereka berkahwin 4 tahun dahulu.

Setiap pasangan yang berumahtangga tidak dapat mengelakkan diri dari mengalami perasaan cemburu. Cemburu yang keterlaluan boleh membawa kepada berlakunya salah faham antara suami isteri. Perasaan cemburu ini akan lebih ketara dalam poligami. Si isteri akan merasa cemburu jika tidak mendapat layanan yang baik dari suami. Wanita itu akan menuntut haknya yang tidak dipenuhi oleh suaminya sehingga menimbulkan keretakan rumahtangga yang berakhir dengan perceraian.

Sesebuah rumahtangga yang dipengaruhi perasaan cemburu selalunya akan disertai oleh pertengkaran-pertengkaran antara suami isteri. Pergaduhan yang sering berlaku menyebabkan timbulnya perasaan benci dan hilang kepercayaan antara satu sama lain sehingga suami menjatuhkan talaq. Ada juga terdapat keadaan di mana isteri meminta cerai kerana tidak tahan dengan pergaduhan-pergaduhan yang sering berlaku.

Pengaruh orang-orang luar juga memainkan peranan penting yang menyebabkan runtuhnya rumahtangga. Pengaruh yang kuat datangnya dari kaum keluarga terdekat terutama ibubapa dan adik-beradiknya.

Faktor ketiadaan anak juga terlibat secara langsung dalam proses perceraian. Kelahiran anak dapat mengikat kasih sayang dan memperteguhkan keluarga. Dalam masyarakat kampung, dengan ramainya anak dapat menjadi ukuran keharmonian sebuah rumahtangga. Anak lelaki dapat membantu bapanya manakala anak perempuan menolong ibu di rumah, menjaga adik-adik dan mengemas rumah.

Dalam masyarakat luar bandar, bilangan anak dalam setiap keluarga adalah ramai. Keluarga di Kampung Pengkalan Keriang mempunyai paling banyak anak seramai 4 hingga 6 orang. 18 keluarga mempunyai anak sebanyak itu, 15 keluarga lagi mempunyai anak di antara 1 hingga 3 orang dan selebihnya 5 keluarga mempunyai bilangan anak melebihi 7 orang.

Jadual 6: Bilangan Anak

Bilangan Anak	Bilangan Keluarga
7 ke atas	5
4 - 6	18
1 - 3	15

Di kampung kajian, terdapat 2 kes bercerai disebabkan tidak mempunyai anak. Anak memainkan peranan penting dalam menjalin hubungan yang baik antara suami isteri. Bagi pasangan yang mempunyai anak, mereka terpaksa membuat pertimbangan mengenai anak mereka sebelum membuat keputusan untuk bercerai. Keadaan sebaliknya berlaku apabila pasangan tersebut tidak mempunyai anak, jika berlaku perceraian antara keduanya, implikasinya hanya terjadi ke atas diri mereka sahaja dan tidak melibatkan orang lain.

Setiap rumahtangga yang baru didirikan memang mengidamkan kelahiran anak yang dapat menyerikan rumahtangga. Anak bakal menjadi penyambung zuriat kedua suami isteri di samping sebagai tempat pergantungan di hari tua. Sekiranya anak yang diangan-angankan itu tidak ada maka sudah tentu perasaan tidak puas hati antara satu sama

lain berlaku. Setelah berputus asa untuk memperolehi anak, maka pasangan tersebut memilih jalan untuk bercerai.

Terdapat 2 kes perceraian yang berlaku ke atas pasangan yang tidak mempunyai anak, walaupun telah 5 tahun berkahwin. Si isteri diceraikan setelah timbul ketidaksefahaman antara mereka lagi. Namun demikian, seorang responden yang bercerai lebih 3 tahun dengan suami pertamanya atas alasan tidak mempunyai anak akhirnya berkahwin lain.

Walaupun begitu alasan ketiadaan anak tidak boleh dijadikan alasan untuk bercerai. Jika ikatan kasih sayang antara suami isteri kukuh, masalah ketiadaan anak mungkin dapat diatasi dengan pengambilan anak angkat. Dua pasangan suami isteri yang tidak mempunyai anak setelah berkahwin hampir 6 tahun akhirnya mengambil anak angkat. Anak angkat itu dipelihara seperti anak sendiri dengan diberi kasih sayang dan belaian mesra.

Sebagai kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa perceraian dimulakan oleh konflik yang sering terjadi antara suami isteri sehingga menimbulkan pergaduhan antara keduanya. Jika hal ini tidak diatasi dan dibiarkan berterusan, perceraian boleh berlaku. Perceraian menyebabkan berakhirnya suatu perkahwinan berpecahnya satu keluarga.

## BAB V

### LINGKUNGAN SAUDARA MARA

Sistem kekeluargaan orang Melayu di Kampung Pengkalan Keriang adalah dua sisi atau kognatik yang mengira hubungan kekeluargaan dari kedua belah pihak ibu dan bapa. Namun begitu, biasanya keturunan disusurgalurkan daripada bapa kepada anak dan untuk tujuan tertentu dan bersesuaian pula dengan Islam, keluarga nasab bapa yang tertentu diberi hak dan tugas yang istimewa seperti wali dalam pernikahan. Walaupun begitu seseorang individu dalam masyarakat menganggap dirinya mempunyai hubungan yang sama dengan keluarga bapa dan ibu.

Mengikut Fox, R. 1975, keturunan kognatik tidak dihadkan oleh seks tetapi semua keturunan nenek moyang adalah termasuk dalam kelompoknya. Masyarakat di kampung kajian menggunakan istilah adik beradik bagi mengatakan bahawa seseorang itu atau ramai lagi adalah kaum keluarganya yang ada hubungan darah dengannya.

Dalam membicarakan lingkungan kaum keluarga, adik-beradik bagi orang-orang Melayu di kampung kajian dapat dibahagikan kepada kategori-kategori seperti adik-beradik dekat, adik-beradik jauh dan adik-beradik ipar.


#### 5.1 Adik-Beradik Dekat dan Jauh

Adik-beradik dekat termasuklah 'dua beradik' iaitu adik, abang dan kakak seibu sebapa, adik-beradaik tiri, 'anak menakan', bapa dan emak menakan dari kedua belah ibu dan bapa, sepupu, tok dan tok wan dan kedua belah ibu dan bapa, cucu dan juga cicit. Dua pupu,

cucu menakan, sepupu ibubapa juga dianggap sebagai adik-beradik dekat.

Adik-beradik jauh pula termasuklah tiga pupu, dua pupu kepada ibu dan bapa, anak-anak kepada dua pupu dan sesiapa sahaja yang hubungannya telah jauh.

#### Adik-Beradik Dekat



△ = Lelaki

○ = Perempuan

▲ = Lelaki dan Perempuan


## 5.2 Adik-Beradik Ipar

Adik-beradik ipar terjadi hasil dari perkahwinan antara sepasang suami isteri tetapi hubungan ini tidaklah serapat dengan hubungan adik-beradik sedarah. Hubungan ipar ini hanya dianggap dekat antara ahli keluarga ipar seperti ibubapa dan saudara kandung suami atau isteri, menantu dan suami atau isteri kepada saudara kandung.

Persaudaraan ipar ini pada keseluruhannya didasarkan pada perkahwinan dan jikalau berlaku perceraian, maka hubungan ipar ini dengan sendirinya terputus. Begitu juga jika berlaku kematian kepada salah seorang daripada suami isteri. Ini dapat dilihat dalam hubungan seorang janda yang telah diceraikan oleh suaminya 5 tahun yang lalu di kawasan kajian. Hubungan dengan saura kandung suaminya serta ibubapa suaminya tidak lagi serapat ketika bersama suaminya dahulu. Keluarga suaminya dikatakan sebagai 'bekas mertua' atau 'bekas ipar'.

Suami atau isteri kepada anak dikatakan menantu. Emak dan bapa kepada suami atau isteri dipanggil emak dan bapa mertua. Ibubapa kepada dua orang yang berkahwin dikatakan 'besan'. Hubungan antara adik-beradik kandung dengan adik-beradik ipar dikatakan 'biras'.

### Hubungan Ipar



### 5.3 Anak Angkat

Anak angkat juga dikatakan sebagai **lingkugnan kaum** keluarga bagi orang-orang Melayu. Anak angkat adalah istilah bagi seseorang yang dipelihara oleh orang lain. Di Kampung Pengkalan Keriang terdapat dua buah keluarga memelihara anak angkat. Mereka mengambil anak angkat kerana tidak mempunyai anak sendiri.

Dalam keluarga Hj. Yaakob, beliau memelihara seorang anak angkat itu iaitu anak kepada kakak isterinya. Anak itu dipelihara seperti anak sendiri, malah ada juga orang sekampung tidak mengetahui bahawa anak lelaki kepada keluarga tersebut merupakan anak angkat.

Begitu juga dengan keluarga Haji Ismail yang memelihara anak kepada sepupu isterinya sebagai anak angkat. Beliau mengambil anak angkat kerana isterinya tidak dapat melahirkan anak. Anak angkat dipelihara sepenuhnya dan dianggap adik-beradik sendiri oleh adik-beradik angkatnya. Ia menganggap semua adik-beradik ibubapa angkatnya sebagai bersaudara dengannya.


### 5.4 Prinsip Keturunan Kognatik

Bagi masyarakat Kampung Pengkalan Keriang, mereka mengira keturunan dan kekeluargaan melalui sistem dwisisi yang mengira kerabat dari kedua-duabelah pihak ibu dan bapa. Semua orang yang ada hubungan darah dan hubungan ipar dikira sebagai ada hubungan kekeluargaan. Dengan ini selalunya seseorang itu tidak dapat menyatakan adik-beradiknya, melainkan adik-beradik dekat sahaja seperti tok dan tok wan, bapa dan emak menakan, sepupu, dua pupu dan cucu cicit. Adalah

sukar bagi seseorang itu untuk mengenali adik-beradik yang lebih jauh jika mereka tinggal berjauhan.

Di bawah prinsip keturunan kognatik, seseorang itu mempunyai nenek moyang yang ramai. Contohnya di peringkat tok dan tok wan, seseorang itu mempunyai 4 iaitu di sebelah bapa dan di sebelah emak diambil dari peringkat ibubapa kepada tok dan tok wan, ia mempunyai 8 orang dan seterusnya.

#### Keturunan Kognatik



Organisasi persanakan masyarakat Melayu Kampung Pengkalan Keriang tidak sangat memberi penekanan ke atas keluarga dalam soal-soal tempat kediaman, otoriti, hak kawalan dan juga peraturan kediamana.

Dari segi otoriti dan hak kawalan ke atas keluarga, mereka memberi kedudukan yang lebih kepada lelaki. Misalnya isteri tidak akan membantah cakap suami. Seorang suami pula harus menghormati isterinya kerana isteri dianggap sebagai pemantu suaminya. Isteri

bertanggungjawab mengurus hal-hal rumahtangga, melahirkan dan mengasuh anak-anaknya. Kerjasama antara kedua suami isteri dapat melahirkan sebuah rumahtangga yang bahagia.

### 3.5 Istilah Kekeluargaan

Terdapat berbagai istilah dalam organisasi keluarga yang digunakan untuk merujuk atau memanggil anggota keluarganya. Panggilan yang digunakan untuk seorang bapa ialah ayah atau pak atau abah; manakala untuk ibu pula adalah mak. Kakak dan abang digunakan untuk adik-beradik yang lebih senior. Kakak dan abang ini tidak dikhatusukan pada mereka yang mempunyai hubungan darah dan perkahwinan sahaja tetapi ditujukan kepada sesiapa sahaja yang lebih tua.

Sistem panggilan ini dapat menentukan kedudukan mereka dalam keluarga sama ada lebih senior atau lebih junior. Ini dilakukan dengan memberi panggilan yang khas kepada mereka yang lebih senior atau junior itu. Saudara kandung yang tertua sekali dipanggil 'abang car' bagi lelaki dan 'kak car' bagi perempuan atau dengan panggilan abang sahaja. 'Abang cik' dan 'kak cik' atau kak diikuti dengan nama dan abang diikuti dengan nama bagi mereka yang lebih muda dari anak sulung atau lebih senior daripada adik bongsu. Saudara yang tua akan memanggil adiknya yang lebih muda dengan nama sahaja atau singkatan daripada nama.

Istilah menyapa yang lazimnya digunakan oleh isteri untuk memanggil suaminya ialah abang dan abang diikuti dengan singkatan nama suaminya. Apabila sudah mendapat anak panggilannya bentukan

Ahli-Ahli Keluarga	Istilah Sapaan	Istilah Pujukan
Bapa	Ayah/Pak/Abah	
Ibu	Emak/Mak	
Adik-Beradik Lelaki Yang Lebih Tua	Abang/Abang Car/ Abang + Nama	Abang Yang Besar
Adik-Beradik Perempuan Yang Lebih Tua	Kak Car/Kak/ Kak + Nama	Kakak Yang Besar
Adik-Beradik Lelaki dan Perempuan Yang Lebih Muda	Adik/Singkatan Nama	
Bapa/Emak Saudara	Pak/Mak Long	Bapa/Mak Saudara Sulong
	Pak/Mak Car	Bapa/Mak Saudara Besar
	Pak/Mak Ngah	Bapa/Mak Saudara Tengah
	Pak/Mak Anjang	Bapa/Mak Saudara Panjang
	Pak/Mak Andak	
	Pak/Mak Teh	Bapa/Mak Saudara Putih
	Pak/Mak Tam	Bapa/Mak Saudara Hitam
	Pak/Mak Cik	Bapa/Mak Saudara Kecil
	Pak/Mak Su	Bapa/Mak Saudara Bongsu
Datuk	Tok Wan/Wan	
Nenek	Tok	
Datuk/Nenek Saudara	Tok Long	
	Tong Ngah	
	Tok Lang	
	Tok Anjang	Kadang-kadang diikuti dengan nama
	Tok Teh	
	Tok Tam	
	Tok Cik	
	Tok Su	

keapda pak hang atau ayah hang. Sebaliknya **istilah menyapa** yang digunakan oleh suami untuk isterinya pula ialah **singkatan nama** isterinya. Selepas mendapat anak si suami kecap memanggil isterinya dengan panggilan 'mak hang'.

Di samping itu istilah yang digunakan untuk menyapa bapa kepada ayah dan emak ialah tok wan dan ibu kepada ayah dan emak pula ialah tok. Istilah menyata untuk bapa/emak saudara iaitu adik dan abang kepada emak dan ayah ialah mak menakan dan pak menakan. Mereka dipanggil dengan pak/mak long, pak/mak ngah, pak/mak lang, pak/mak anjang, pak/mak su dan sebagainya mengikut umur yang lebih tua dan lebih muda. Bagi sepupu istilah menyapa ialah abang dan kak diikuti dengan nama atau dengan singkatan nama sahaja bagi yang sebaya atau lebih muda.

### Kesimpulan

Pembentukan keluarga masyarakat kampung diasaskan secara formal melalui proses perkahwinan. Sesuatu perkahwinan dapat diterima umum setelah pasangan itu diakadnikahkan mengikut undang-undang Islam dan kenduri kahwin diadakan bagi meraikan pasangan pengantin baru.

Dalam masyarakat kampung, kecenderungan untuk memilih kaum kerabat sebagai pasangan dalam usaha membentuk keluarga sendiri semakin berkurangan. Ibubapa telah memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih jodoh sendiri. Umur kahwin juga semakin meningkat jika dibandingkan dengan golongan tua yang berkahwin pada usia belasan tahun. Kebanyakan pasangan sekarang berkahwin dalam lingkungan 20an.

Setelah berkahwin dan membentuk keluarga sendiri, mereka selalunya akan memilih tempat tinggal mengikut kesukaan masing-masing. Mereka tidak dipaksa untuk tinggal di mana-mana pihak, sebaliknya terpulanglah kepada keadaan hidup mereka. Kerap kali suami akan membawa isterinya tinggal di kampungnya kerana suami mempunyai tanah sawah sendiri untuk dikerjakan. Sebaliknya jika ia bekerja di tempat lain misalnya di kampung isterinya, maka ia akan tinggal dengan keluarga isterinya.

Pengaruh hidup moden dan keinginan untuk memperbaiki kedudukan mereka mengakibatkan beberapa orang terutamanya generasi muda di kampung kajian berpindah ke bandar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik. Setelah berkahwin, mereka selalunya memilih tempat tinggal yang berdekatan dengan tempat kerja masing-masing.

Pembentukan keluarga asas yang jauh daripada keluarga besar menyebabkan timbulnya kerenggangan perhubungan di antara mereka. Penempatan yang jauh dan berasingan dari saudara mara dan kaum keluarga membuatkan ada di antara mereka yang tidak mengenali saudara mara baik yang dekat maupun yang jauh. Tinggallah ibubapa dan datuk nenek di kampung meneruskan cara hidup lama manakala kampung dijadikan tempat bercuti atau beristirehat bagi generasi muda.

## BIBLIOGRAFI

- Amran Kasimin, Istiadat Perkahwinan Melayu: Satu Kajian Perbandingan.  
Dewan bahasa dan Pustaka, KL, 1989.
- Banks, J., Malay Kinship, A Publication of the Institute for the  
Study of Human Issues, Philadelphia, 1945.
- Bailey, D., Kaedah Penyelidikan Sosial, terjemahan Hashim Awang,  
DBP, Kementerian Pelajaran Malaysia, KL, 1984.
- Bell and Vogel, A Modern Introduction to the Family, The Free Press,  
New York, Collier-Macmillan Limited, London, 1957.
- Benardo, F., The Anthropological Approach to the Study of the Family  
in, Family Relations: Concepts and Theories,  
Edited by Raymond J.R. King, The Glendessary  
Press, California, 1969.
- Djamour, J., Malay Kinship and Marriage in Singapore, London School  
of Economics Monographs on Social Anthropology,  
No. 21, University of London: The Athlone Press,  
1965.
- Dr. Hammudah 'Abd. Al 'Ati, The Family Structure in Islam, The  
American Trust Publication, USA, 1970.
- Fox, R., Kinship and Marriage, Penguin, 1973.
- Hj. Md. Akhir Hj. Yaacob dan Dr. Siti Salikhah Md.Noor, Beberapa  
Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia,  
Al-Rahmaniah, Selangor D.E., 1989.
- Koentjaraningrat, R.M. A Preliminary Description of the Javanese  
Kinship System, Southeast Asian Studies, Yale  
University, New Haven, Conn. 1957.
- Mustafa Haji Daud, Institusi Kekeluargaan Islam, DBP, Kementerian  
Pendidikan Malaysia, KL, 1989.
- Norazit Selat, Konsep Asas Antropologi, DBP, KL, 1989.
- Winch, F., The Modern Family, Third Edition, Holt Rinehart and  
Winston, Inc., 1968.